



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA
AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

ARAHAN MENTERI MENGENAI PENGGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR FREKUENSI 880 MHz HINGGA 885 MHz BERPASANGAN DENGAN 925 MHz HINGGA 930 MHz

ARAHAN MENTERI NO. 5 TAHUN 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] (“Akta”), Menteri dengan ini mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 880 MHz Hingga 885 MHz Berpasangan Dengan 925 MHz Hingga 930 MHz, Arahan Menteri No. 5 Tahun 2020.**
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 880 MHz Hingga 885 MHz Berpasangan Dengan 925 MHz Hingga 930 MHz

4. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya, Suruhanjaya diarahkan untuk melaksanakan penguntukan spektrum melalui hak keutamaan di bawah seksyen 174 Akta kepada Altel Communications Sdn Bhd (No. Syarikat: 201201010379) di dalam jalur frekuensi 880 MHz hingga 885 MHz berpasangan dengan 925 MHz hingga 930 MHz.

5. Suruhanjaya hendaklah mengambil langkah-langkah segera di bawah peruntukan Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya untuk melaksanakan penguntukan spektrum di dalam jalur frekuensi 880 MHz hingga 885 MHz berpasangan dengan 925 MHz hingga 930 MHz kepada Altel Communications Sdn Bhd (No. Syarikat: 201201010379).


6. Tertakluk kepada peruntukan dalam Akta dan perundangan subsidiari yang relevan dibawahnya, Suruhanjaya diarahkan selanjutnya untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Penguntukan spektrum di dalam jalur frekuensi 880 MHz hingga 885 MHz berpasangan dengan 925 MHz hingga 930 MHz kepada Altel Communications Sdn Bhd (No. Syarikat: 201201010379) adalah tertakluk kepada terma dan syarat serta keperluan tambahan yang akan ditetapkan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) Mengambil apa-apa langkah dan tindakan lain supaya Arahan ini dilaksanakan dengan sempurna.

7. Menteri boleh pada bila-bila masa mengubahsuai, mengubah atau membatalkan Arahan ini.

Tarikh: 15 MEI 2020

[KKMM.BKMC(S).600-1/6/2(5)]



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia